

**LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI DENGAN  
HOSPITAL KERAJAAN DAN KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Bagi PRP yang menjalani latihan di hospital swasta / farmasi komuniti / R&D Universiti, LFM telah menetapkan keperluan agar PRP berkenaan **turut perlu menjalani latihan sangkutan di fasiliti KKM (Hospital Pakar dan Jabatan Pesakit Luar di klinik kesihatan yang berdekatan).**


**PANDUAN KEPADA PEMILIK PREMIS/PRESEPTOR PRP DI FARMASI  
KOMUNITI**

1. PRP yang telah mula menjalani latihan liberalisasi di Farmasi Komuniti bermula dari **1 JANUARI 2017** adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani latihan sangkutan di mana-mana klinik kesihatan yang disenaraikan di [Senarai Klinik Kesihatan Untuk Menjalani Latihan Sangkutan PRP Dari Fasiliti KKM Bagi Komponen Pesakit Luar](#).
2. Tempoh untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesihatan adalah selama **EMPAT (4) MINGGU**.
3. Adalah tanggungjawab pemilik premis untuk mendapatkan kebenaran Pengarah Kesihatan Negeri untuk membenarkan PRP dari premis masing-masing untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesihatan pilihan masing-masing.
4. Bagi tujuan ini satu **Memorandum of Agreement (MoA)** perlu di *tandatangani* bersama Pengarah Kesihatan Negeri terlebih dahulu agar tidak menghadapi sebarang halangan daripada pihak Klinik Kesihatan.
5. MoA ini hanya akan diedarkan melalui **EMAIL SAHAJA** kepada pemilik premis yang mengemukakan [BORANG PERMOHONAN MoA UNTUK MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI HOSPITAL KERAJAAN ATAU KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA \(KKM\)](#) ke LFM. Borang ini boleh di muat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).
6. **TIGA (3)** salinan MoA asal perlu di sediakan oleh pemilik premis dan kesemuanya perlu di tandatangani oleh pemilik premis dan Pengarah Kesihatan Negeri dan perlu dibayar **Stamp Duty**.
7. Salinan asal MoA yang telah di tandatangani perlu di edarkan kepada:
  - a) Pengarah Kesihatan Negeri – **1 Salinan**
  - b) Pengarah Lembaga Farmasi Malaysia – **1 Salinan**

c) Pemilik premis untuk simpanan sendiri – **1 Salinan**

8. Pemilik premis boleh mula menghantar PRP ke Klinik Kesihatan yang berkaitan selepas MoA ditandatangani oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan di *Stamp Duty*
9. Preceptor di Klinik Kesihatan adalah bertanggung jawab untuk memberi latihan seperti yang dinyatakan dalam buku log dan membuat penilaian setelah selesai latihan sangkutan.
10. Waktu kerja, disiplin dan peraturan semasa latihan sangkutan adalah mengikut arahan preceptor dimana latihan sangkutan dijalankan.


**Carta Aliran Untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesihatan oleh PRP dari Farmasi Komuniti**



## **PANDUAN KEPADA PENGARAH DAN PRESEPTOR DI HOSPITAL SWASTA**

1. PRP yang telah mula menjalani latihan liberalisasi di Hospital Swasta yang tidak menyediakan servis **WAD FARMASI** adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani latihan sangkutan bagi komponen tersebut di mana-mana Hospital Kerajaan yang disenaraikan di [SENARAI HOSPITAL KERAJAAN BAGI LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI HOSPITAL SWASTA BAGI KOMPONEN WAD FARMASI](#)
2. Adalah tanggungjawab Pengarah Hospital Swasta untuk mendapatkan kebenaran Pengarah Kesihatan Negeri untuk membenarkan PRP dari Hospital Swasta masing-masing untuk menjalani latihan sangkutan di Hospital Kerajaan pilihan masing-masing.
3. Bagi tujuan ini satu **Memorandum of Agreement (MoA)** perlu di *tandatangani* di antara **Pengarah Hospital Swasta** dan **Pengarah Kesihatan Negeri** terlebih dahulu agar PRP tidak menghadapi sebarang halangan daripada pihak Hospital Kerajaan.
4. MoA ini hanya akan diedarkan melalui **EMAIL SAHAJA** kepada Pengarah Hospital Swasta/ Preseptor di Hospital Swasta yang mengemukakan [BORANG PERMOHONAN MoA UNTUK MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI HOSPITAL KERAJAAN ATAU KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA \(KKM\)](#) ke LFM. Borang ini boleh di muat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).
5. **TIGA (3)** salinan MoA asal perlu di sediakan oleh pemilik premis dan kesemuanya perlu di tandatangi oleh Pengarah Hospital Swasta dan Pengarah Kesihatan Negeri dan perlu dibayar **Stamp Duty**.
6. Salinan asal MoA yang telah di tandatangi perlu di edarkan kepada:
  - a) Pengarah Kesihatan Negeri – **1 Salinan**
  - b) Pengarah Lembaga Farmasi Malaysia – **1 Salinan**
  - c) Pengarah Hospital swasta untuk simpanan sendiri – **1 Salinan**
7. Pemilik premis boleh mula menghantar PRP ke Hospital Kerajaan yang di sebut di MoA selepas ditandatangani oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan di *Stamp Duty*
8. Preseptor di Hospital Kerajaan adalah bertanggung jawab untuk memberi latihan seperti yang dinyatakan dalam buku log dan membuat penilaian setelah selesai latihan sangkutan.
9. Waktu kerja, disiplin dan peraturan semasa latihan sangkutan adalah mengikut arahan preseptor dimana latihan sangkutan dijalankan.

Carta Aliran Untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesehatan oleh PRP  
dari Hospital Swasta



**PANDUAN KEPADA DEKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)/  
SWASTA (IPTS)**

1. PRP yang telah mula menjalani latihan liberalisasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Swasta (IPTS) bagi buku log R&D Universiti perlu melengkapinya Modul A iaitu *Fundamental Pharmacy Practice* (rujuk Buku Log R&D Universiti) di **Hospital Kerajaan** ATAU di **Hospital Swasta** DAN/ATAU **Klinik Kesihatan** mengikut keperluan dan pilihan dekan universiti masing-masing.

**A. Panduan Untuk menjalani Latihan Sangkutan di Hospital Kerajaan/ Klinik  
Kesihatan di Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia**


1. Pemilihan Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan adalah berdasarkan **Jadual 1**
2. Adalah tanggungjawab Dekan Universiti untuk mendapatkan kebenaran Pengarah Kesihatan Negeri terlebih dahulu untuk membenarkan PRP dari Universiti masing-masing untuk menjalani latihan sangkutan di Hospital Kerajaan dan/atau di Klinik Kesihatan.
3. Bagi tujuan ini satu **Memorandum of Agreement (MoA)** perlu di *tandatangan* seperti di Jadual 1 terlebih dahulu agar PRP tidak menghadapi sebarang halangan daripada pihak Hospital Kerajaan atau Klinik Kesihatan.
4. MoA ini hanya akan diedarkan melalui **EMAIL SAHAJA** kepada Dekan Universiti/ Preceptor yang mengemukakan [BORANG PERMOHONAN MoA UNTUK MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI HOSPITAL KERAJAAN ATAU KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA \(KKM\)](#) ke LFM. Borang ini boleh di muat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my).
5. **TIGA (3)** salinan MoA asal perlu di sediakan oleh Dekan Universiti/ Preceptor dan kesemuanya perlu di tandatangan mengikut Jadual 1 berdasarkan pemilihan Hospital Kerajaan atau Klinik Kesihatan dan perlu dibayar **Stamp Duty**.
6. Salinan asal MoA yang telah di tandatangan perlu di edarkan kepada:
  - a) Pengarah Kesihatan Negeri – **1 Salinan**
  - b) Pengarah Lembaga Farmasi Malaysia – **1 Salinan**
  - c) Dekan Universiti untuk simpanan sendiri – **1 Salinan**
7. Dekan Universiti/ Preceptor boleh mula menghantar PRP ke Hospital Kerajaan atau Klinik Kesihatan pilihan masing-masing yang di sebut di MoA selepas ditandatangani dan di *Stamp Duty*.
8. Preceptor di Hospital Kerajaan dan di Klinik Kesihatan adalah bertanggung jawab untuk memberi latihan seperti yang dinyatakan dalam buku log dan membuat penilaian setelah selesai latihan sangkutan.

9. Waktu kerja, disiplin dan peraturan semasa latihan sangkutan adalah mengikut arahan preseptor dimana latihan sangkutan dijalankan

**JADUAL 1: Pemilihan premis bagi latihan PRP**

Komponen	Pilihan Premis	Rujukan Senarai Premis	MoA perlu ditandatangani bersama
<b>Pesakit Luar</b>	Hospital Kerajaan	<a href="#">Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP)</a>	<u>Pengarah Kesihatan Negeri</u>
	Klinik Kesihatan	<a href="#">Senarai Klinik Kesihatan Untuk Menjalani Latihan Sangkutan PRP Dari Fasiliti Latihan Liberalisasi (FLL) Komponen Pesakit Luar</a>	
<b>Farmasi Pesakit Dalam</b>	Hospital Kerajaan	<a href="#">Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP)</a>	
<b>WAD FARMASI</b>			

**Carta Aliran Untuk menjalani latihan Hospital Kerajaan dan/atau di Klinik  
Kesihatan oleh PRP dari IPTA/IPTS**





## B. Panduan Untuk menjalani Latihan Sangkutan di Hospital Swasta Oleh PRP dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Swasta (IPTS)

1. Sekiranya PRP ingin menjalankan latihan sangkutan di Hospital Swasta [Borang Kelulusan LFM untuk Menjalani Latihan Sangkutan Di Hospital Swasta oleh PRP oleh PRP dari Institusi Pengajian Tinggi Awam \(IPTA\)/ Swasta \(IPTS\)](#) perlu di hantar ke LFM untuk mendapatkan kelulusan LFM terlebih dahulu. Borang tersebut boleh di muat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)
2. Latihan Sangkutan boleh mula dijalani bermula dari tarikh menerima kelulusan LFM

### Carta Aliran Untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesihatan oleh PRP dari Farmasi Komuniti

